

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]
- TARIKH** : 24 Mei 2016 (Selasa)
- SOALAN** : Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah fenomena cuaca kering dan kemarau di seluruh Malaysia ketika ini menjejaskan hasil pengeluaran pertanian negara dan apakah langkah Kementerian membantu yang terjejas akibat cuaca panas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, impak perubahan iklim telah memberi kesan negatif terhadap sektor pertanian di seluruh negara. Fenomena El Nino yang membawa kepada kesan kemarau telah dikategorikan sebagai bencana yang akan menjejaskan sektor tanaman, ternakan dan perikanan di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan dan Agensi telah mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan kesan fenomena El Nino kepada sektor agromakanan mengikut sub-sektor.

Antara langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kesan terhadap **sektor tanaman** adalah seperti berikut:

- i. Memperhebat aktiviti pengembangan pertanian bagi mengurangkan kesan El Nino kepada petani;
- ii. Memastikan sumber air pertanian terjamin seperti melalui pembinaan empangan kecil, meningkatkan keupayaan kolam takungan, membina *tube well* dan meningkatkan kecekapan penyaluran air melalui penggantian pam;
- iii. Menggalakkan penggunaan air secara minimum dengan menggunakan sistem pengairan titis (*drip irrigation*) dan *mist blower* terutamanya untuk sayur-sayuran daun; dan
- iv. Menggalakkan penggunaan teknik sungkupan terutama dari bahan organik.

Selain itu bagi **sub-sektor padi**, penjadualan semula penanaman padi di kawasan yang terkesan akibat El Nino dilakukan serta memastikan sumber air adalah mencukupi sebelum penanaman padi dimulakan.

Bagi **sektor ternakan**, antara langkah yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan pek makanan ternakan ruminan yang mengandungi kombinasi vitamin dan cecair tenaga (*stress pack*) kepada penternak ruminan sekiranya terdapat keperluan; dan
- ii. Memberi khidmat nasihat kepada penternak supaya memastikan bekalan air minuman kepada ternakan adalah mencukupi.

Manakala bagi **penternakan akuakultur**, antara langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menasihati penternak melakukan penjadualan semula ternakan (*break cycle*, penyelenggaraan, asuhan dalam bangunan dan lain-lain);
- ii. Menggalakkan penggunaan *recirculating water* di mana penternak udang dan *hatcheri* digalakkan menggunakan semula air ternakan selepas dirawat selain meminimumkan pengepaman air baru ke *hatcheri* dan kolam untuk operasi ternakan; dan
- iii. Memantau dan memberi nasihat teknikal kepada pengusaha akuakultur mengenai langkah-langkah menangani impak El Nino serta membantu

pengusaha ternakan melalui bantuan bencana dan input benih ternakan apabila keadaan sesuai.

Bagi membantu golongan petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani berskala kecil yang mengalami kerugian hasil pertanian akibat bencana seperti El Nino dan banjir, Kementerian boleh **mempertimbangkan bantuan ihsan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA)**.

Selain daripada TBBA, Kementerian juga menyediakan bantuan lain seperti berikut:-

- i. Bantuan dari segi pemberian input pertanian yang dikelolakan oleh Jabatan Pertanian Daerah masing-masing;
- ii. Program *touch points* yang melibatkan bantuan input seperti benih ikan dan makanan rumusan kepada pengusaha akuakultur; dan
- iii. Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Kaedah penyaluran adalah dalam bentuk bantuan tunai yang akan disalurkan terus kepada mangsa yang terjejas.

Pada masa yang sama, Kementerian juga akan melaksanakan Skim Perlindungan Agromakanan yang melindungi hasil pertanian bagi semua subsektor. Perancangan awal adalah memfokuskan kepada pelaksanaan bagi subsektor tanaman padi. Walau bagaimanapun, kerajaan masih mengkaji pendekatan yang terbaik untuk melaksanakan skim ini agar memberi manfaat kepada petani tanpa membebankan mereka dan pihak Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 24 MEI 2016
SOALAN :**

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah tempat letak kereta bertingkat akan dibina di Hospital Bau, Sarawak dan bilakah Klinik Kesihatan Stungkor akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, tiada permohonan untuk membina tempat letak kereta bertingkat di Hospital Bau. Walau bagaimanapun, pihak hospital sedang meneliti perkara ini dari semasa ke semasa.

Manakala untuk Klinik Kesihatan (Jenis 6) Dengan Kwarters Stungkor, Lundu, Sarawak diluluskan di bawah Rolling Plan 4 (2014-2015), Rancangan Malaysia Ke-10. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak (JKR Sarawak) sebagai Agensi Pelaksana projek ini pada 25 September 2013.

JKR Sarawak telah memaklumkan bahawa tender telah dikeluarkan pada 28 Februari 2016 dan masih dalam proses penilaian tender. Dijangka Surat Setuju Terima akan dikeluarkan kepada kontraktor yang terpilih pada akhir bulan Mei 2016.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]
TARIKH : 24 MEI 2016
SOALAN :

YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang mengalami heat stroke sepanjang peningkatan suhu yang melanda negara, dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi peningkatan suhu yang ekstrim terutamanya kebarangkalian berlakunya heat stroke.

Tuan Yang di-Pertua,

Fenomena El Nino boleh memberi kesan kepada orang awam seperti kesan cuaca panas dan kering, jerebu akibat pembakaran terbuka atau hutan, krisis bekalan air, dan penularan penyakit bawaan vektor, air dan makanan. Pendedahan kepada cuaca panas boleh memberi kesan berbagai kepada kesihatan manusia dari sederhana kepada teruk seperti strok haba yang boleh menyebabkan kematian.

Sehingga 4 Mei 2016 terdapat sebanyak 212 kes berkaitan cuaca panas telah dilaporkan mendapat rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan iaitu 52 kes kejang haba (24.5%), 136 kes kelesuan haba (64.2%) dan 24 kes strok haba (11.3%). Jumlah ini termasuk dua (2) kematian yang dilaporkan akibat strok haba di mana kematian pertama dilaporkan di Segamat, Johor dan kedua dilaporkan di Jitra, Kedah.

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa cuaca panas badan kita memerlukan sejumlah air yang banyak bagi mengekalkan suhu badan normal melalui proses penyejatan peluh. Perpeluhan yang banyak akan menyebabkan badan kehilangan air dan elektrolit menyebabkan berlakunya heat cramp dan kelesuan haba. Jika air yang hilang tidak diganti secukupnya, suhu badan akan meningkat ke tahap yang sangat tinggi menyebabkan berlakunya strok haba.

Apabila aktiviti fizikal dilakukan, peningkatan kadar metabolisme badan akan menghasilkan sejumlah haba yang tinggi. Haba yang berlebihan ini perlu disingkirkan dari badan dengan berkesan melalui proses perpeluhan. Disamping itu cuaca panas akan merencat pengaliran haba keluar dari badan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan nasihat kepada orang ramai melalui pelbagai cara agar terus mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan sehinggalah musim panas tamat. Nasihat kesihatan kepada orang ramai adalah seperti berikut:

- i. Menangguhkan atau menghadkan aktiviti lasak seperti berkayak, berbasikal, marathon, memanjat gunung dan lain-lain aktiviti semasa berlakunya gelombang haba ini sehinggalah keadaan kembali reda;
- ii. Sebolehnya elakkan dari berada di luar rumah atau bangunan dan pastikan rumah atau bangunan mempunyai pengudaraan yang mencukupi;
- iii. Sekiranya aktiviti luar ini tidak dapat dielakkan, dinasihatkan agar memendekkan tempoh aktiviti tersebut ataupun berehat pada tempoh yang panjang dan mengambil minuman yang banyak pada setiap kali waktu rehat tersebut;
- iv. Minum air secukupnya dan minumlah air yang telah dimasak bagi memastikan cecair dalam tubuh adalah mencukupi;
- v. Pakai pakaian yang ringan, cerah dan elakkan pakaian berwarna gelap, tebal dan ketat;
- vi. Pakailah topi atau payung yang boleh melindungi diri daripada terlalu terdedah dengan cuaca panas apabila berada di luar rumah atau bangunan;
- vii. Tidak duduk di dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa; dan

- viii. Ketahui tanda-tanda awal kelesuan haba, strok haba dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain dari nasihat kepada orang ramai, KKM telah merangka tindakan yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat pelaksanaan seperti berikut bagi memastikan perkhidmatan tidak terjejas di samping mengelakkan kejadian wabak penyakit;

- i. Memastikan bekalan air di hospital mencukupi selama dua (2) minggu secara berterusan bagi menjamin kefungsian perkhidmatan yang bergantung kepada bekalan air bersih;
- ii. Membuat pemantauan dan penilaian bekalan air bukit (Gravity Feed System – GFS) di negeri masing-masing secara berterusan bagi mengesan kekeringan sumber dan menguruskan bantuan bekalan air bersih dari pihak yang berwajib;
- iii. Memperkukuhkan surveilan penyakit termasuk kejadian penyakit yang sensitif kepada perubahan cuaca seperti penyakit berkaitan jerebu [Jangkitan saluran atas pernafasan (Upper Respiratory Tract Infection), asma dan konjuntivitis], penyakit bawaan vektor (malaria, denggi dan leptospirosis), penyakit bawaan makanan dan air (keracunan makanan, tifoid dan taun) serta penyakit berkaitan cuaca panas seperti strok haba;

- iv. Mempergiatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai terutamanya golongan berisiko tinggi di peringkat negeri dan daerah bagi menghadapi penyakit atau kesan kesihatan akibat El Nino. Langkah-langkah menangani kesan kesihatan akibat El Nino boleh diperolehi menerusi laman sesawang KKM; dan
- v. Memastikan anggota KKM, ubat-ubatan dan peralatan di hospital dan klinik Kesihatan sentiasa mencukupi supaya rawatan yang sempurna dapat diberikan kepada pesakit.